



## **KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PAHANG**

### **OPERASI BERSEPADU KE ATAS KILANG HARAM PEMROSESAN BUANGAN TERJADUAL SISA ELEKTRONIK (E-WASTE) DI KAWASAN ORANG ASLI, KAMPUNG PADANG, MUKIM BEBAR, DAERAH PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

**15 FEBRUARI 2025, PEKAN** - Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan Operasi Bersepadu ke atas premis kilang haram pemprosesan buangan terjadual sisa elektronik (e-waste) di Kawasan Orang Asli, Kampung Padang, Mukim Bebar, Daerah Pekan, Pahang Darul Makmur. Operasi ini dijalankan dengan kerjasama agensi penguatkuasaan yang lain iaitu Pasukan Gerakan Am (PGA) Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP), dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Premis tersebut yang beroperasi di sempadan ladang kelapa sawit tersebut disyaki telah menjalankan pemprosesan buangan terjadual sisa elektronik (e-waste) melalui pelbagai kaedah pengasingan, pembakaran dan peleburan.

Seorang pekerja warga asing dan seorang warga tempatan telah ditahan bagi siasatan lanjut. Sebanyak 600 unit jumbo bag mengandungi sisa elektronik (e-waste) dan 2072 unit ingot berbentuk jongkong telah disita. Tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan turut dikenakan ke atas premis bagi mencegah premis daripada terus beroperasi.

Kes disiasat di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memperuntukkan hukuman penjara mandatori tidak melebihi 5 tahun dan denda maksimum sehingga RM 10 Juta jika sabit kesalahan.

Sebarang aduan pencemaran boleh terus dilaporkan ke talian bebas tol JAS di 1-800-88-2727 atau emel ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <http://eaduan.doe.gov.my>.

**Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang**  
**15 Februari 2025**